

MEMILIH PEMIMPIN BERPANDUKAN AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP PILIHAN RAYA GABENOR DI JAKARTA TAHUN 2017

**Aulia Naufal, Syed Mohammad Chaedar Syed Abdurrahman Al-Yahya, Robiatul
Adawiyah Mohd@Amat^a**

^aFakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

aulia_naufal86@yahoo.com

Abstrak

Pemimpin adalah sesuatu yang sangat penting dalam keamanan kehidupan manusia didunia ini. Setiap individu kelak akan menjadi seorang pemimpin, sekurang-kurangnya seorang pemimpin bagi diri sendiri mahupun pemimpin bagi keluarganya masing-masing. Al-Quran memandang penting makna sebuah pemimpin, kerana dengan kehadiran pemimpin yang baik, ia akan membawa kebaikan kepada masyarakat dan individu dibawah kepeimpinannya. Berdasarkan kajian di dalam ayat-ayat al-Quran, didapati bahawa terdapat 4 istilah pemimpin, iaitu; *khalifah, imam, wali, dan ulil amri*. Pada masa ini, kita disibukkan dengan belbagai agenda memilih calon-calon pemimpin, tidak kira pemimpin suatu kumpulan kecil suatu masyarakat, bahkan sampai pemilihan yang besar setingkat Negara. Jangan sampai kita salah dalam memilih seorang pemimpin, dimana mereka itulah kelak yang akan memimpin kita dalam masa yang tidak sedikit. Maka dari kepentingan inilah kajian ini dibuat agar kita dapat mengetahui kriteria / ciri-ciri pemimpin yang wajib kita pilih sesuai panduan al-Quran dan juga mengikut dalil-dalil daripada hadis Rasulullah SAW. Dasar kajian ini mengikut pengalaman pemilihan Gabenor di Jakarta, Indonesia pada tahun 2017 yang telah berjaya diadakan dengan pelbagai cabaran yang dilalui, terutama bagi umat Islam di Jakarta.

Kata Kunci: Memilih pemimpin, panduan al-Quran, pilihan raya di Jakarta 2017.

PENDAHULUAN

Manusia diciptakan sebagai makhluk sosial yang tidak dapat hidup dengan sendirinya, ianya mesti hidup dalam sebuah komuniti; keluarga, masyarakat, kampung, daerah, suku dan lain sebagainya. Dalam berkomuniti atau bermuamalah, manusia memerlukan adanya seorang pengetua atau pemimpin yang perlu mengatur, mengetuai dan memimpin setiap individu komuniti tersebut.

Kejayaan pemimpin dalam Islam dapat dinilai dari seberapa tinggi amanah yang dijalankan secara professional oleh seorang pemimpin.¹⁸¹ Maka jika kita hendak menilai seorang pemimpin maka lihatlah seberapa besarkah amanah dan janji (manifesto) yang ia jalankan selama kepemimpinannya.

MEMILIH PEMIMPIN

Memilih seorang pemimpin adalah suatu hal yang penting, sebagaimana hadith Nabi mengenai pemilihan ketua dalam suatu pemusafiran, apatah lagi kepentingan memilih pemimpin dalam sebuah keluarga, masyarakat, kumpulan dan Negara.

مُهَدَّحٌ أَوْ رَهْمًا مَّوَدَّعًا يَلْفُفُ فَرَفُفًا فَرَفُفًا فَرَفُفًا
«ثَلَاثَةٌ خَرَجُوا خَادِمًا»

Rasulullah bersabda: "Apabila tiga orang keluar musafir, maka hendaklah mereka melantik seorang di antara mereka sebagai ketua".¹⁸²

Islam adalah agama yang memandang bahawa pemilihan, pelantikan serta ketaatan terhadap pemimpin merupakan suatu kewajipan bagi umat Islam. Meskipun al-Quran dan Hadith tidak menjelaskan tentang metode memilih pemimpin, akan tetapi al-Quran dan Hadith serta para sarjana muslim telah memberikan gambaran yang jelas mengenai siapakah individu yang seharusnya dipilih dan seterusnya ditaati serta segala syarat yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin.¹⁸³

Tetapi bagi kita seorang individu muslim yang taat akan ajaran syariat Islam, sudah selayaknya kita mengikuti metode kepemimpinan di sebuah Negara dimana kita duduk didalamnya. Selagi Negara itu menjamin kehidupan beragama dan juga menjamin kesejahteraan dan keamanan masyarakatnya.

Indonesia merupakan pasar terbesar bagi perkembangan sistem demokrasi di dunia, yang mana pemilihan pemimpin merupakan suatu keniscayaan dalam bernegara dan berbangsa. Dalam sebuah buku tulisan Prof. Azyumardi Azra disebutkan:

"...., kaum Muslimin Indonesia umumnya menerima demokrasi. Mereka memandang bahwa demokrasi kompetibel dengan Islam pada dasarnya tidak ada masalah di antara Islam dan demokrasi. Dengan penerimaan dan penerapan demokrasi, Indonesia bukan hanya merupakan

¹⁸¹ Af. Djunaedi. *Filosofi dan Etika Kepemimpinan dalam Islam*. Yogyakarta: Jurnal al-Mawarid. XIII. 2005. Hal. 55.

¹⁸² @خ.ر. دواؤو بأحيصن. @8@.

¹⁸³ Buchori, Dawami. *Pelaksanaan Pemilihan Pemimpin di Kabupaten Berau*. Hal. 25.

*Negara dengan penduduk Muslim terbanyak di dunia, sekaligus juga Negara demokrasi terbesar ketiga setelah India dan Amerika Serikat.*¹⁸⁴

Tidak hairanlah bila ada pesta demokrasi, Indonesia selalu menjadi percontohan Negara-negara lainnya, jika ianya berjalan dengan baik maka baiklah pemerintahannya. Tetapi jika dijalankan dengan tipu muslihat, rasuah, *money politic* maka perlu diketahui bahwa semua akan ada balasan di dunia mahupun di akhirat kelak.

Maka sudah menjadi suatu keniscayaan bagi kita yang hidup di zaman ini untuk memilih seorang pemimpin atau bahkan kita sendiri akan dipilih menjadi seorang pemimpin, dan kita harus ikut andil didalamnya dan jangan ambil sikap diam dan acuh terhadap pemilihan pemimpin yang akan menjadikan nanti kita menyesal kerana tidak menggunakan hak pilih kita yang menyebabkan kita dipimpin oleh seorang pemimpin yang tidak kita sukai.

ISTILAH PEMIMPIN DALAM AL-QURAN

Al-Quran yang mengandungi 77.437 atau 77.439 perkataan¹⁸⁵ memaknai pemimpin dalam pelbagai bentuk perkataan, diantaranya adalah: *khalifah*, *imam*, *wali*, dan *ulil amri*, juga dalam kata terbitan lainnya. Perkataan-perkataan tersebut memiliki beragam erti dan makna yang akan diterangkan sedikit banyaknya dalam kajian ini.

1. *Khalifah*

Perkataan *khalifah* secara bahasa adalah pengelola, penguasa atau di belakang. Dikatakan *khalifah* kerana yang menggantikan ianya selalu berada di belakang atau datang di belakang selepas yang digantikan.¹⁸⁶ Seperti apa yang tersebut dalam ayat kursi:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ

*"... Dia mengetahui apa yang di hadapan dan apa yang ada di belakang mereka..."*¹⁸⁷

Manakala perkataan *khalifah* yang bermakna pengelola atau penguasa, terdapat dalam surah al-baqarah ayat 30:

¹⁸⁴ Azra, Azyumardi. 2016. *Transformasi Politik Islam Radikalisme, Khalifatisme dan Demokrasi*. Jakarta: Prenadamedia Group. Hal. 263.

¹⁸⁵ <https://www.facebook.com/DakwahJakim/posts/tahukah-anda-al-quran-itu-ada-s-berapa-jumlah-surah-dlm-al-quran-j-114-surahs-be/10153637516027398/> telah diakses 5/25/2019

¹⁸⁶ ص. ط. تلود لأفور شلاءة بتكم: رسم. ط. تبولأ مجمع. 88. >. يقوش، فيض. 9. =9. .

¹⁸⁷ Surah al-Baqarah, 2:255.

daripada perkataan asalnya yakni *wali* (وَالِي), yang kesemuanya bila dikira terdapat 82 tempat perkataan *wali* mahupun *aulyaa'* dalam al-Quran.¹⁹³

Yang selalu dikaji dalam hal kepemimpinan adalah ayat 51 surah al-Maidah, Sayyid Qutb menjelaskan maksud ayat ini adalah pemimpin; seorang muslim dilarang memilih pemimpin non-muslim kerana kekafiran mereka.¹⁹⁴

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan orang Yahudi dan Nasrani sebagai pemimpin(mu).”¹⁹⁵

Prof. Quraish Shihab memaknai perkataan *wali* / *aulyaa'* mengikut konteks ayat masing-masing: jika tujuannya dalam hal ketaqwaan, maka ertinya adalah penolong, apabila dalam hal pertemanan dan kasih sayang maka maknanya adalah ketertarikan jiwa, dan jika dalam hal ketaatan maka bermakna seseorang yang berkuasa dan harus ditaati keputusannya.¹⁹⁶

4. *Ulil Amri*

Ulil amri dalam bahasa Arab merupakan sebuah frasa yang terdiri dari dua perkataan, yaitu *uluu* (ولوأ) dan *al-amri* (رملأ), jika disatukan menjadi bacaan *ulul- amri* (رملأولوأ) atau *ulil- amri* (رملألوأ). Maka frasa tersebut bermakna “orang yang memiliki perintah atau orang yang ada kewenangan memerintah.”¹⁹⁷

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan *ulil amri* (pemegang kekuasaan) diantara kamu.”¹⁹⁸

Menurut Sayyid al-Thanthawi, kalimat *ulil amri* dalam ayat diatas memiliki dua makna; pemimpin dan ulama'. Maksudnya adalah *ulama'* yang menyuruh kepada kebaikan dan mengajarkan manusia syariat Islam.¹⁹⁹

¹⁹³Herlambang, Saifuddin. 2018. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*.

Pontianak: Ayunindya. Hal. 20-21.

¹⁹⁴ Qutb, Sayyid. 1995. *Tafsir fi Zilalil Quran*. Bayrut: Darul Shuruq. Hal. 385-386.

¹⁹⁵ Surah al-Maidah, 5:51.

¹⁹⁶ Shihab, Quraish. 2002. *Tafsir Al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati. Hal. 151.

¹⁹⁷ Herlambang, Saifuddin. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*. Hal. 23.

¹⁹⁸ Surah al-Nisaa', 4:59.

¹⁹⁹ Herlambang, Saifuddin. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*. Hal. 39.

		At-taubah 12, al-anbiyaa' 73, al-qasas 5/41, al-Israa' 71, as-sajdah 24	Pemimpin, ketua ikutan, pemimpin/ketua, imam, pemimpin
3	لِوَيْ	Asy-syura 9/28, an-nisa 75	Pelindung, pengawal, pemimpin
		Al-maidah 51/57/81, an-nisa 76/89/139/144, al-a'raf 3/27/30, al-anfal 72/73, at-taubah 71, al-jaathiyah 19, al-ahqaf 32,	Teman rapat, pelindung, penyokong, penolong, pelindung, pengikut
4	رُمَلُلُؤُا	An-nisa 59/83	Orang-orang yang berkuasa

Dari beberapa istilah perkataan pemimpin dalam al-Quran yang telah disebutkan diatas, maka dapat kita simpulkan bahawa setiap perkataan memiliki makna yang hampir sama dengan konteks pemahaman yang berbeza. *Khalifah* adalah makna pemimpin secara umum bagi manusia dimuka bumi ini, seperti halnya jabatan *khalifah* yang diberikan Allah kepada Nabi Adam as. dan Nabi Daud as.

Manakala perkataan *imam* dan *wali* juga dimaksudkan sebagai pemimpin suatu kumpulan atau individu, istilah perkataan ini juga sudah menjadi perkataan yang lazim diucapkan oleh ramai masyarakat Melayu, seperti; imam masjid, imam surau, wali nikah, wali pelajar dan lain-lainnya. Selain itu juga *wali / auliyaa'* diertikan sebagai orang dekat, teman rapat atau teman setia.

Terminologi yang selanjutnya dimaknai sebagai pemimpin adalah *ulil amri*, dalam konteks ayat yang sedia ada dalam al-Quran maka ayat tersebut diertikan sebagai pemimpin atau orang yang berkuasa.

Dalam hal kaitan istilah-istilah yang telah dikemukakan dengan kajian ini, maka yang sesuai dengan istilah pemimpin Gabenor sekarang ini adalah *ulil amri*, yang mana dialah orang yang berkuasa atau yang diberi kuasa oleh rakyat, yang bertanggungjawab mentadbir urusan rakyat yang telah memilihnya.

CIRI-CIRI PEMIMPIN DALAM ISLAM

Telah disebutkan diatas beberapa ayat al-Quran mengenai pemimpin, maka seorang muslim yang menjadi pemimpin perlu kiranya mempunyai ciri-ciri atau sifat yang layak dijadikan sebagai panutan dalam kepemimpinannya.

Dalam buku *Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Al-Quran* karya Dr. H. Saifuddin Herlambang, M.A disebutkan bahawa, terdapat tujuh syarat seseorang yang berhak menjadi pemimpin menurut Al-Mawardi dalam kitabnya "*Ahkamul Sulthan*".

1. Seorang pemimpin harus mampu berbuat adil kepada siapapun dan dalam keadaan apapun.
2. Pemimpin harus memiliki ilmu pengetahuan agar mampu berfikir dan berijtihad menghadapi persoalan atau membuat hukum.
3. Anggota tubuh pemimpin harus sempurna, tidak cacat dan kekurangan fizikal.
4. Tidak ada kekurangan dalam anggota tubuh badannya yang dapat menghalanginya untuk bergerak dan bertindak.
5. Memiliki visi dan misi yang baik sehingga kebijakannya berorientasi kepada kepentingan rakyat dan mampu mewujudkan kemaslahatan.
6. Memiliki keberanian untuk menjaga dan memepertahankan rakyatnya dalam menghadapi serangan musuh.
7. Pemimpin harus memiliki nasab dari suku Quraisy²⁰³, sebagaimana dijelaskan dalam nash dan disokong ijma' ulama.²⁰⁴

Menurut Ibnu Khaldun, ada lima syarat/kriteria bagi seorang pemimpin:

1. Memiliki ilmu pengetahuan, kerana dengan ilmu itu seorang pemimpin dapat melaksanakan hukum Allah dan mampu membuat keputusan.

²⁰³ Mengikut pendapat Dr. Taha Husain, syarat terakhir iaitu Keturunan Quraisy dimaksudkan kerana kedudukan politik dan agama selepas wafatnya Rasulullah, ramai orang Islam yang terawal adalah daripada kaum Quraisy. Ibnu Khaldun juga berpendapat orang yang menurusi persoalan umat Islam haruslah dipilih daripada kelompok yang memiliki *asabiyyah* yang kuat pada masa itu, hal ini perlu kerana ia berguna bagi menjamin kataatan massa dan sokongan untuk melaksanakan program perbaiki umat tidak terpecah. Lihat: Buchori, Dawami. *Pelaksanaan Pemilihan Pemimpin di Kabupaten Berau*. Hal. 53-54.

²⁰⁴ Herlambang, Saifuddin. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*. Hal. 49-50.

2. Memiliki kesanggupan dan kemampuan dalam menjalankan hukum yang telah ditetapkan undang-undang
3. Mampu berlaku adil
4. Memiliki panca indra yang sehat
5. Keturunan Quraisy.²⁰⁵

Pimpinan Pondok Moden Gontor Indonesia, Dr. KH. Abdullah Syukri Zarkasyi, MA. menulis dalam bukunya “Bekal untuk Pemimpin”, terdapat 14 kualifikasi/syarat seorang dalam memimpin, iaitu:

1. Ikhlas
2. Selalu mengambil inisiatif
3. Mampu membuat jaringan kerja (*networking*) dan memanfaatkannya
4. Dipercaya
5. Bekerja keras dan bersungguh-sungguh
6. Menguasai masalah dan dapat menyelesaikannya
7. Memiliki integritas yang tinggi/kuat
8. Memiliki jiwa yang kuat dan tidak takut kalah
9. Jujur dan terbuka (*open minded*)
10. Sedia berkorban
11. Tegas
12. Cerdas
13. Pandai berkomunikasi
14. Baik dalam berkomunikasi.²⁰⁶

Dari beberapa pendapat ulama diatas menegani kriteria/ciri/syarat bagi seorang pemimpin, maka boleh disimpulkan bahawa seorang pemimpin dalam Islam mestilah:

²⁰⁵ Herlambang, Saifuddin. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*. Hal. 51.

Lihat: Kesuma, Arsyad Sobby. 2009. *Pandangan Ulama Tentang Kepemimpinan dalam Negara Islam*. Surabaya: Jurnal Islamica. V. 4. N. 1. Hal. 125.

²⁰⁶ Zarkasyi, Abdullah Syukri. 2011. *Bekal untuk Pemimpin; Pengalaman Memimpin Gontor*. Ponorogo: Trimurti Press. Hal. 45.

1. Berilmu
2. Adil
3. Sehat zahir dan batin
4. Berani dan tegas.

PILIHAN RAYA GABENOR DI JAKARTA TAHUN 2017

Jakarta atau yang dikenali dengan DKI (Daerah Khas Ibukota) Jakarta adalah Ibukota Indonesia, salah satu bandar terbesar dan salah satu perkotaan yang paling ramai penduduknya di dunia.

DKI Jakarta sebagai Ibukota merupakan simbol dari keberagaman masyarakat Indonesia. tempat berkumpulnya seluruh masyarakat dengan pelbagai latarbelakang suku, agama dan sosial, yang menjadikannya sebagai kota “*multicultural*”.²⁰⁷

Jakarta merupakan salah satu sumber kehidupan utama yang dapat menarik perhatian banyak orang pedesaan untuk mencari nafkah dan bekerja di bandar metropolitan ini. Selain daripada itu, Jakarta juga menjadi bandar pusat pemerintahan dan ekonomi Indonesia.²⁰⁸

Berdasarkan data daripada Badan Pusat Statistik Indonesia, jumlah penduduk Jakarta pada 2017 sebanyak 10.37 juta jiwa²⁰⁹ dan bahkan tahun 2019 ini telah mencecah 10.80 juta warga yang duduk di bandar Jakarta.²¹⁰

Bandar yang begitu padat penduduknya, setiap hari tidak akan lepas daripada permasalahan ekonomi, keamanan, transportasi dan politik. Maka tidak diragukan lagi disebalik sibuknya bandar Jakarta terdapat para pemimpin yang bertungkus lumus memikirkan segala hal demi kemaslahatan dan kesejahteraan warganya.

Indonesia telah menganut sistem demokrasi semenjak ianya merdeka pada tahun 1945 lalu, maka dalam menentukan pemimpin/kepala suatu daerah akan menggunakan cara pilihan raya, termasuklah dalam memilih Gabenor Jakarta ini yang diadakan secara 5 tahun sekali.

²⁰⁷ Irzal, Muhammad Asnawi. 2018. *Strategi Marketing Politik (Studi atas Kemenangan Anies Rasyid Baswedan dan Sandiaga Salahuddin Uno pada Pilkada DKI Jakarta Tahun 2017)*. Jakarta: Faklutas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik UIN Syarif Hidayatullah. Hal. 50.

²⁰⁸ <https://dolandolen.com/information/jakarta/tentang/> telah diakses 5/7/2019.

²⁰⁹ www.bps.go.id atau <https://databoks.katadata.co.id/datapublish/2018/01/24/berapa-jumlah-penduduk-jakarta> telah diakses 5/7/2019.

²¹⁰ <https://populationof2019.com/population-of-jakarta-2019.html> telah diakses 5/7/2019.

Pada tahun 2017, bandar dimana ibu kota Indonesia berada tengah disibukkan dengan acara pemilihan Gabenor, kandidat yang telah disahkan oleh Komisi Pemilihan Umum (KPU)²¹¹ DKI Jakarta adalah 3 pasangan calon Gabenor dan Wakilnya²¹²

3 pasangan calon Gabenor dan Wakil Gabenor DKI Jakarta adalah:

1. Agus Harimurti Yudhoyono, M.SC, MPA, MA dan Prof. Dr. Hj. Sylviana Murni, SH., MSI.
2. Ir. Basuki Tjahaja Purnama, MM. dan Drs. Djarot Saiful Hidayat, MS.
3. Anies Rasyid Baswedan, PH.D dan Sandiaga Salahuddin Uno, MBA.

Pilihan raya yang diikuti seramai 7.439.149 masyarakat Jakarta, dilaksanakan pada 15 Februari 2017 dengan perolehan sementara calon nombor 1 17.06%, nombor 2 42.99% dan nombor 3 39.95%. Maka diadakanlah pemilihan ulang kerana belum didapatinya hasil hingga 50% pada setiap calon.

Pusingan kedua pilihan raya kali ini amatlah panas dan sengit, disebabkan hanya ada 2 calon sahaja yang memasuki pusingan kedua ini. Mana kala isu yang sangat kuat beredar pada masa itu ialah isu agama yang terdengar luas sampai ke telinga setiap masyarakat Jakarta bahkan dunia.

2 bulan kemudian iaitu tepatnya 19 April 2017, dilaksanakanlah pilihan raya pusaingan kedua dengan hanya 2 calon, Ahok²¹³ dan Djarot yang mewakili parti nasionalis PDIP dan sekutunya, dengan lawannya Anies dan Sandi yang mewakili parti nasionalis dan islamis juga parti yang sehalu tuju dengannya.

Pasangan Anies Sandi unggul dalam pusingan kedua ini dengan perolehan suara 3.240.987, sedangkan pasangan Ahok Djarot hanya memperoleh 2.350.366 suara.²¹⁴ Berbanding jauh dengan perolehan suara pusingan pertama dimana Ahok Djarot lebih unggul daripada Anies Sandi.

Apa yang mendasari perolehan suara dimenangi oleh pasangan yang diusung oleh parti-parti koalisi Anies Sandi? Diantara sebabnya adalah sifat pribadi calon pemimpin yang ada,

²¹¹ KPU (Komisi Pemilihan Umum) adalah badan rasmi Negara yang melaksanakan pilihan raya, ditubuhkan pada tahun 1999 selepas gerakan reformasi Indonesia. Lihat: www.kpu.go.id

²¹² Penetapan nombor dan nama pasangan calon Gabenor dan Wakil Gabenor sebagai peserta pada Pilihan Raya Gabenor dan Wakil Gabenor DKI Jakarta tahun 2017 pada tarikh 25 Oktober 2016. Lihat: www.kpujakarta.go.id

²¹³ Nama lain bagi Ir. Basuki Tjahaja Purnama, MM., calon nombor 2.

²¹⁴ www.kpujakarta.go.id

dimana Anies yang bekas Menteri Pendidikan Indonesia tahun 2016 merupakan figur muda yang lemah lembut, humanis dan memiliki gagasan besar membangun bangsa Indonesia terutama bidang pendidikan terbukti dengan programnya "*Indonesia Mengajar*".²¹⁵

Pilihan politiknya mencalonkan diri sebagai calon Gabenor DKI Jakarta diakuinya memerlukan dedikasi, kejujuran, keikhlasan dan kesabaran jiwa. Kerana jalan politik penuh dengan umpatan dan celaan/hinaan.²¹⁶

Sandiaga Salahuddin Uno yang menjadi calon wakil yang mendampingi Anies, juga mempunyai sifat yang ramah, pemuda yang energik, salah satu pengusaha besar di pelbagai perusahaan di Indonesia.²¹⁷ Dengan pengalaman usahanya ini, ia berniat untuk mensejahterakan masyarakat melalui program menciptakan kerjaya bagi masyarakat.²¹⁸

Kes yang dianggap sebagai menghina agama diawali semasa Gabenor Jakarta, Ahok, berpidato dalam sebuah program masyarakat Kepulauan Seribu pada 27 September 2016, dimana ia bercakap pasal jangan percaya pada isi kandungan surah al-Maidah ayat 51 yang bermakna tentang memilih pemimpin daripada agama Yahudi dan Nasrani sebagai pemimpin mereka.²¹⁹

Ada kumpulan Islam tertentu merasa bahwa Ahok menista agama, kerana tidak selayaknya dia sebagai orang Kristian menggunakan ayat-ayat al-Quran guna mendapat sokongan dari warga masyarakat.²²⁰

Dalam penelitian yang diketuai oleh Dr. Lilik Umami Kaltsum, MA, disebutkan bahawa akibat dari kes Ahok tersebut muncullah gerakan-gerakan NGO-NGO Islam di Jakarta. Dituliskan dalam tesisnya:

"Fenomena ini berakibat munculnya persatuan ormas Islam di Indonesia untuk mengadakan gerakan massa 411 (4 September 2016), 212 (2 Desember 2016) dan 313 (3 Maret 2017) yang juga dilegitimasi

²¹⁵ Program mengirim pemuda terbaik menjadi pengajar di Sekolah Dasar/Rendah di kampung-kampung orang asli di daerah-daerah pedalaman Indonesia. Lihat: Affan, Heyder. 2013. *Anies Baswedan Berbagi Inspirasi*. www.bbc.com/indonesia/telah diakses 5/10/2019.

²¹⁶ Irzal, Muhammad Asnawi. 2018. *Strategi Marketing Politik (Studi atas Kemenangan Anies Rasyid Baswedan dan Sandiaga Salahuddin Uno pada Pilkada DKI Jakarta Tahun 2017)*. Jakarta: Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik UIN Syarif Hidayatullah. Hal. 5.

²¹⁷ Saat ini ia menjabat sebagai CEO Saratoga Capital, PT. Andaro Energy Tbk., PT. Tower Bersama Infrastruktur Group Tbk., PT. Recapital Advisors, Ketua KEN (Komite Ekonomi Nasional) dan Bendahari ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia). Lihat: Taufik, Rahmat. 2011. *Perjalanan Sukses Sandiaga Uno*. Bukit Tinggi: Manajemen Kewirausahaan. Hal. 1-2.

²¹⁸ Irzal, Muhammad Asnawi. 2018. *Strategi Marketing Politik...* Hal. 50.

²¹⁹ <https://nasional.republika.co.id/berita/olqaiz328/ini-isi-kesaksian-ahli-hukum-pidana-di-sidang-ahok> telah dikases 5/1/2019.

²²⁰ Kaltsum, Lilik Umami. 2017. *Politik dan Perubahan Paradigma Penafsiran Al-Qur'an (Analisis Kritis Penafsiran Ayat-Ayat Al-Quran dalam Proses PIKLADA DKI Jakarta 2017)*. Jakarta: Pusat Penelitian dan Penerbitan (PUSLITPEN) LP2M UIN Syarif Hidayatullah. Hal. v.

oleh pendapat salah satu ormas Islam dengan dikeluarkannya Fatwa MUI bahwa Basuki Tjahaja Purnama (Ahok) telah melakukan "penistaan atau penodaan agama."²²¹

Pendapat dan sikap Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang telah ditandatangani oleh KH. Ma'ruf Amin selaku Ketua Umum, menyatakan bahawa Basuki Tjahaja Purnama (Ahok) dikategorikan 1. Menghina al-Quran dan 2. Menghina ulama dan umat Islam yang memiliki keyakinan terhadap al-Quran.²²²

Putusan Mahkamah/Pengadilan Negeri Jakarta Utara mengenai kes Ahok ini adalah benar adanya, bahwa terdakwa terbukti secara sah melakukan tidak pidana Penodaan Agama dengan pidana penjara selama 2 tahun.²²³

Menurut Ibnu Katsir, al-Maidah ayat 51 adalah sebagai larangan Allah SWT. kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, untuk menjadikan orang kafir sebagai pemimpin atau sebagai teman setia kepercayaan, sebab, jika umat Islam memilih non-muslim sebagai pemimpin, maka hal itu merupakan bukti cinta kasih seorang muslim kepada orang-orang kafir. Sedangkan orang-orang kafir merupakan musuh-musuh Allah dan juga musuh para kekasih Allah SWT.²²⁴

Maka sudah sepatutnya kita umat muslim untuk menyokong golongan kita sendiri dalam memilih pemimpin, walaupun ia mungkin tidak lebih baik daripada non-muslim, tetapi setidaknya boleh menyelamatkan akidah dan mensejahterakan umat di negerinya.

وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

"...dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."²²⁵

Keadaan Jakarta yang *multicultural* tersebut, menjadikan suatu masalah yang pada asalnya bukan agama dan dikaitkan dengan hal agama, atau dalam kata lain mencampurkan politik, bisnes, dan urusan lainnya dengan agama.

²²¹ Kaltsum, Lilik Ummi. *Politik dan Perubahan Paradigma Penafsiran Al-Qur'an* Hal. 2.

²²² <https://mui.or.id/berita/10590/pendapat-dan-sikap-keagamaan-mui-terkait-pernyataan-basuki-tjahaja-purnama/> telah diakses 5/1/2019.

²²³ <https://putusan.mahkamahagung.go.id/putusan/e8b1049e890f1bf53511d70ffa120602> telah diakses 5/21/2019.

²²⁴ Herlambang, Saifuddin. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*. Hal. 71.

²²⁵ Surah al-Furqan, 25:74.

KESIMPULAN

Dari beberapa ayat al-Quran dan pandangan ulama' mengenai pemimpin, serta merujuk kepada kes yang terjadi semasa pilihan raya Gabenor di Jakarta tahun 2017. Maka didapati bahawa terminologi yang sesuai untuk istilah Gabenor adalah *ulil amri* yang bererti orang yang berkuasa, manakala perkataan lainnya (*khalifah, imam dan wali*) dimaksudkan sebagai pemimpin bagi manusia secara umum. Dengan adanya istilah tersebut, kita selaku umat muslim yang taat akan syariat Islam dan ajaran Nabi Muhammad SAW., perlu kiranya mempunyai panduan dalam memilih seorang pemimpin. Yang utama adalah bahwa kita perlu memilih seorang pemimpin yang seakidah dengan kita, agar kelak dapat menjalankan kepentingan rakyat yang majoriti adalah umat muslim. Kedua adalah pemimpin mestilah memiliki ilmu pengetahuan terutama ilmu agama dan yang ketiga adalah seorang pemimpin harus mempunyai sifat jujur, adil dan bijaksana. Agar dapat menjalankan hukum-hakam sesuai syariat Islam dan juga kerana jabatan pimpinan yang ia terima adalah suatu amanat dari orang-orang yang memilihnya.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا (58)

“Sesungguhnya, Allah menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum diantara manusia hendaknyakamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya, Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sesungguhnya, Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”²²⁶

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Af. Djunaedi. *Filosofi dan Etika Kepemimpinan dalam Islam*. Yogyakarta: Jurnal al-Mawarid. XIII. 2005.

Affan, Heyder. 2013. *Anies Baswedan Berbagi Inspirasi*. www.bbc.com/indonesia/

Azra, Azyumardi. 2016. *Transformasi Politik Islam Radikalisme, Khalifatisme dan Demokrasi*. Jakarta: Prenadamedia Group.

Baharom, Hajah Noresah. 2005. *Kamus Dewan Bahasa, edisi keempat*. Selangor:

²²⁶ Surah al-Nisa', 4:58.

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Basmeih, Sheikh Abdullah. 2013. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir SDN. BHD. Cet. ke-20.

Buchori, Dawami. 2013. *Pelaksanaan Pemilihan Pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada Tahun 2010: Analisis menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Thesis Akademi Pengajian Islam. Jabatan Siasah Syar'iyah. Universiti Malaya.

Effendi, Tenas. 2002. *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Hamka. 1999. *Tafsir al-Azhar*. Singapore: Pustaka Nasional PTE LTD. V. II.

Herlambang, Saifuddin. 2018. *Pemimpin dan Kepemimpinan Dalam Al-Quran*.

Pontianak: Ayunindya.

<https://databoks.katadata.co.id/datapublish/2018/01/24/berapa-jumlah-penduduk-jakarta>

<https://dolandolen.com/information/jakarta/tentang/>

<https://mui.or.id/berita/10590/pendapat-dan-sikap-keagamaan-mui-terkait-pernyataan-basuki-tjahaja-purnama/>

<https://nasional.republika.co.id/berita/olqaiz328/ini-isi-kesaksian-ahli-hukum-pidana-di-sidang-ahok>

<https://populationof2019.com/population-of-jakarta-2019.html>

<https://putusan.mahkamahagung.go.id/putusan/e8b1049e890f1bf53511d70ffa120602>

[https://www.facebook.com/DakwahJakim/posts/tahukah-anda-al-quran-itu-ada-s-](https://www.facebook.com/DakwahJakim/posts/tahukah-anda-al-quran-itu-ada-s-berapa-jumlah-surah-dlm-al-quran-j-114-surahs-be/10153637516027398/)

[berapa-jumlah-surah-dlm-al-quran-j-114-surahs-be/10153637516027398/](https://www.facebook.com/DakwahJakim/posts/tahukah-anda-al-quran-itu-ada-s-berapa-jumlah-surah-dlm-al-quran-j-114-surahs-be/10153637516027398/) Irzal,

Muhammad Asnawi. 2018. *Strategi Marketing Politik (Studi atas Kemenangan Anies Rasyid Baswedan dan Sandiaga Salahuddin Uno pada Pilkada DKI Jakarta Tahun 2017)*. Jakarta: Faklutas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik UIN Syarif Hidayatullah.

Kaltsum, Lilik Ummi. 2017. *Politik dan Perubahan Paradigma Penafsiran Al-Qur'an (Analisis Kritis Penafsiran Ayat-Ayat Al-Quran dalam Proses PIKLADA DKI Jakarta 2017)*. Jakarta: Pusat Penelitian dan Penerbitan (PUSLITPEN) LP2M UIN Syarif Hidayatullah.

Kesuma, Arsyad Sobby. 2009. *Pandangan Ulama Tentang Kepemimpinan dalam Negara Islam*. Surabaya: Jurnal Islamica. V. 4. N. 1.

Qutb, Sayyid. 1995. *Tafsir fi Zilalil Quran*. Bayrut: Darul Shuruq.

Safarwan, Haji Zainal Abidin. 2002. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation SDN. BHD.

Shihab, Quraish. 2002. *Tafsir Al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati. Shihab, Quraish. 2007. *Ensiklopedia al -Qur'an: Kajian Kosa Kata*. Jakarta: Lentera Hati. V. 2.

Siti, Rodiah. 2017. *Tafsir Ulama Nusantara Tentang Kepemimpinan Non-Muslim; Telaah Ayat-ayat Larangan Memilih Pemimpin Non -Muslim dalam Al-Quran*. Jakarta: Thesis UIN Syarif Hidayatullah.

Taufik, Rahmat. iggniT, 2011. *Perjalanan Sukses Sandiaga Uno*. Bukit Manajemen Kewirausahaan.

www.bps.go.id

www.kpu.go.id

www.kpujakarta.go.id

Zarkasyi, Abdullah Syukri. 2011. *Bekal untuk Pemimpin; Pengalaman Memimpin Gontor*. Ponorogo: Trimurti Press.

احلسين، فيضاً هليل. د. س. معجمُفتخُالرحمن. جاكرتا: دارُاحلكمة.

صحيحُمسلم.

صحيحُأبو داود.

ضيف، شوقي. <88: معجمُالوَيْط. مصر: مكتبةُالشروقُالدولة. ط. <.

الطنطوي. 9AA? تُتفسرُالوَيْط. مصر: دارُالنهضة. ج. >.